RINGGIT

EDISI FEB 2016

RAKAN KEWANGAN ANDA



Inilah Masanya untuk Golongan Muda



Pilihan Pinjaman Perumahan: Fleksi vs Bukan Fleksi



Soalan Lazim Insurans Motor

Realiti tentang INFLASI di Malaysia

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Realiti Tentang Inflasi di Malaysia



Perkara pertama yang terlintas dalam minda apabila memperkatakan tentang inflasi adalah kenaikan harga barangan keperluan asas pada hari ini. Namun, sejauh manakah pemahaman anda tentang inflasi dan bagaimana ia memberi kesan ke atas kuasa membeli rakyat?

Apakah itu inflasi?

Menurut Kamus Online Cambridge, definisi inflasi ialah 'peningkatan harga yang berterusan secara umum'. Kadar inflasi pula ialah ukuran bagi kadar peningkatan harga dalam bentuk peratusan. Sebagai contoh, kadar inflasi pada tahap 2.5% (berdasarkan Indeks Harga Pengguna Kebangsaan) membawa maksud bahawa perbelanjaan purata individu atas barangan utama dan perkhidmatan telah meningkat pada kadar 2.5% sepanjang tempoh setahun.

Inflasi di rumah

Bagaimanakah inflasi boleh memberi kesan kepada rakyat Malaysia? Mengikut *Trading Economics* (data sehingga 19 Ogos 2015), kadar inflasi di Malaysia pada bulan Julai 2015 adalah 3.3%, iaitu peningkatan dari 0.9% pada Mac 2015, selepas Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dilaksanakan pada 1 April 2015 yang lalu.

Ini bermakna, kadar peningkatan harga berlaku dengan pantas berbanding sebelum GST. Walau bagaimanapun, demi membendung kesan negatif inflasi, Kerajaan telah menyenaraikan beberapa barangan asas utama ke dalam senarai barangan kawalan. Hal ini bagi mengekalkan kemampuan rakyat untuk memiliki barangan tersebut, di samping mengelakkan penipuan harga semasa, kekurangan bekalan barangan serta melambatkan pergerakan inflasi.

Bagaimana pula dengan kuasa membeli?

Secara semula jadi, kuasa membeli akan merosot disebabkan inflasi. Dengan harga yang semakin meningkat, adalah mustahil untuk mempunyai kuasa pembelian barangan dan perkhidmatan yang sama seperti sebelumnya.

> *Contoh:* Roti canai yang dijual pada harga RM0.70 sekeping pada 5 tahun lepas kini dijual pada harga RM1.20 sekeping di kebanyakan kedai makan.

Kejatuhan nilai mata wang negara turut mengundang kenaikan inflasi. Barangan import akan bertambah mahal. Para pengeluar akan mengambil kesempatan memindahkan kos komponen yang diimport, termasuk kos bahan mentah, kepada negara pengguna. Hal ini juga akan mengakibatkan kenaikan harga barang terhadap pendapatan isi rumah dan penurunan nilai gaji.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Contoh klasik inflasi: Anda mungkin pernah berdepan dengan inflasi sepanjang hidup anda. Tiket wayang yang dahulunya berharga RM7 ketika anda berusia remaja, kini telah meningkat kepada RM16 pada hari bekerja. Tetapi, apakah sebab di sebalik peningkatan ini?

Inflasi boleh berlaku disebabkan oleh ketidakseimbangan bekalan dan permintaan. Harga diesel telah naik berkali ganda sejak awal tahun 2000 kerana permintaan telah meningkat dengan ketara di seluruh dunia, manakala bekalan tidak bertambah pada kadar yang sama. Pada tahun 2000, harga diesel ialah RM0.70 seliter dan hari ini harganya RM1.75 seliter.

Antara sebab lain berlakunya inflasi adalah peningkatan kos pembuatan. Sebagai contoh, disebabkan kenaikan harga minyak diesel/ petrol , harga barangan lain juga turut meningkat. Hal ini disebabkan oleh peningkatan kos pengangkutan untuk memindahkan barangan dari titik A ke titik B. Akibatnya, harga akhir barangan dinaikkan sepanjang tempoh masa yang lama.

Inflasi sudah tentu memberi impak kepada poket semua pengguna dalam jangka masa panjang. Dengan itu, pengguna perlu mempraktikkan pengurusan kewangan yang bijak untuk mengemudi arus inflasi serta kadar kenaikannya.

Bagaimana rakyat Malaysia boleh menangani inflasi dan kenaikan harga barangan?

Adalah sukar untuk pengguna mempengaruhi kadar inflasi sebagai seorang individu kerana ia adalah berbeza bagi setiap negara. Walau bagaimanapun, apa yang rakyat Malaysia mampu lakukan ialah dengan bertindak bijak dalam menguruskan wang mereka untuk menangani inflasi dan kos sara hidup yang tinggi.

"Ambil kesempatan atas kemudahan kewangan yang sedia ada untuk mengelakkan pembaziran dalam perbelanjaan. Malah, keputusan untuk mendapatkan kad kredit yang sesuai dapat membantu anda dengan memberikan penjimatan yang besar," kata Lee Ching Wei, pengasas bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan iMoney.my.

"Anda melakukan langkah yang bijak sekiranya meletakkan simpanan di dalam instrumen pelaburan yang memberikan anda pulangan atas kadar inflasi. Simpanan di dalam akaun simpanan dengan faedah sebanyak 1% pada kadar semasa inflasi bermaksud simpanan anda akan kehilangan kuasa membelinya dari semasa ke semasa. Salah satu cara biasa untuk menangani inflasi ialah dengan menyimpan simpanan anda dalam pelaburan yang memberikan pulangan yang lebih tinggi daripada kadar inflasi semasa secara berkala. Contohnya, sesetengah pelaburan deposit tetap dapat memberikan anda pulangan dari 3% hingga 4% setahun," tambah Lee lagi.

Ujar Lee, "Pengetahuan kewangan yang baik juga boleh membantu anda untuk membuat keputusan yang bijak apabila berdepan dengan isu simpanan serta penjanaan wang. Sebelum mendapatkan sebarang produk kewangan, seperti pinjaman peribadi atau kad kredit, bandingkan pilihan yang ada di pasaran dan pilih produk yang sesuai dengan gaya hidup anda."

Sumber: www.imoney.my

Sidang Redaksi

Penasihat
YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملىسيا) سندرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



"Inilah Masanya untuk Golongan Muda"

Oleh: Dato' Steve Ong

Apabila menyentuh tentang simpanan untuk persaraan, masa yang paling sesuai untuk mula menyimpan adalah seawal memasuki alam pekerjaan. Golongan muda seharusnya mula membuat persediaan awal untuk persaraan mereka kelak. Ini mungkin agak mencabar memandangkan mereka baru sahaja memulakan kerjaya. Namun ia boleh dilakukan, boleh dicapai, dan yang paling penting, inilah masa yang terbaik untuk memulakan simpanan.

Walaupun telah membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), realitinya simpanan tersebut berkemungkinan besar tidak mencukupi untuk menampung keperluan persaraan mereka kelak. Oleh itu, sangat penting bagi golongan muda menambah simpanan persaraan bagi memastikan agar mereka mempunyai pendapatan persaraan yang diperlukan.

Tidak ramai orang yang kerap memikirkan tentang simpanan persaraan mereka. Dalam kalangan golongan muda, persaraan dilihat sebagai perkara yang masih jauh untuk ditempuhi. Namun, cuba renung sejenak, adakah ibu bapa, saudara-mara atau rakan keluarga yang benar-benar menikmati masa persaraan mereka? Berkemungkinan besar, mereka yang sedang menikmati masa persaraan adalah mereka yang telah membuat persediaan dari awal lagi. Anda perlu memulakan persediaan sekarang untuk menikmati masa persaraan yang lebih terjamin.

Skim Persaraan Swasta (PRS) ditubuhkan sebagai satu skim kebangsaan untuk simpanan persaraan secara sukarela. PRS adalah satu cara bagi golongan muda untuk menyimpan wang tambahan untuk persaraan mereka. Insentif Golongan Muda PRS sebanyak RM500 merupakan pengiktirafan daripada kerajaan bagi membantu para belia untuk memulakan simpanan persaraan mereka dalam PRS. Oleh itu, golongan muda yang bekerja perlu mengambil peluang ini untuk memulakan akaun PRS mereka, terutamanya pada awal usia alam pekerjaan.

Gabungan tempoh simpanan dan tempoh untuk mengkompaun pertumbuhan simpanan merupakan faktor pendorong bagi golongan muda untuk memulakan akaun PRS mereka. Untuk membina dana persaraan, ia memerlukan simpanan tetap sepanjang tempoh kehidupan bekerja. Menyimpan 10% daripada pendapatan bulanan mereka adalah pelan simpanan yang berpatutan. Walaupun caruman 10% ke akaun PRS ini mungkin dilihat sebagai satu pengorbanan, namun dari sudut aspek lain, ia perlu dilihat sebagai wang perbelanjaan yang diketepikan untuk kegunaan persaraan. Ia adalah wang anda dan wang inilah yang akan anda belanjakan dalam tempoh persaraan anda.

Faktor kedua dalam mengumpul dana persaraan anda ialah dengan mengkompaun pertumbuhan simpanan sehingga masa persaraan. Keajaiban pertumbuhan kompaun memberikan kesan berganda

untuk mempercepat proses pertambahan dana persaraan. Menggunakan kuasa pengkompaunan boleh menghasilkan pertambahan yang besar kepada jumlah simpanan PRS dalam jangka masa panjang. Secara umumnya, lebih lama tempoh caruman PRS, maka lebih banyak kompaun simpanan persaraan anda.

Berikut merupakan contoh kes bagi Alia dan Johan. Alia dan Johan, kedua-duanya berusia 25 tahun, baharu sahaja menamatkan pengajian di universiti dan memulakan kerjaya. Johan memutuskan bahawa beliau hanya akan mula menyimpan wang dalam PRS untuk persaraan pada 10 tahun akan datang. Pada jangkaan beliau, apabila pendapatan beliau telah meningkat, maka beliau akan menyimpan lebih banyak wang. Apabila umur beliau mencecah 35 tahun, beliau memutuskan untuk mencarum sebanyak 10% daripada gajinya dalam PRS untuk tempoh 25 tahun akan datang.

Sebaliknya, Alia merupakan seorang yang lebih realis. Melihat ibu bapanya bergelut untuk menyara hari-hari persaraan mereka, maka beliau membuat keputusan untuk memulakan akaun PRS dengan menyimpan lebih awal untuk persaraan beliau. Mengikut pengiraan beliau, simpanan persaraan tambahan 10% diperlukan sebagai tambahan kepada jumlah simpanan semasa KWSP, iaitu sebanyak 23%. Jumlah peratusan simpanan sebanyak 33% ini akan membolehkan beliau menjana pendapatan persaraan yang memadai, mencukupi dan berkekalan untuk menikmati tempoh persaraan kelak. Untuk memastikan bahawa beliau mencarum 10% ke akaun PRS secara bulanan dan secara tetap, beliau telah membuat caruman PRS secara automatik melalui e-perbankan. Gaya hidup berbelanja beliau juga diselaraskan dengan menjelaskan caruman 10% ke akaun PRS terlebih dahulu, sebelum bakinya digunakan untuk memenuhi komitmen dan perbelanjaan bulanan beliau.

Tanpa disedari, kedua-dua mereka pasti akan menempuhi alam persaraan suatu hari nanti. Alia yang memulakan akaun PRS pada usia 25 tahun telah berjaya mengumpul simpanan PRS sebanyak RM540,000 untuk menjana pendapatan persaraannya. Sebaliknya, Johan yang menunggu dan memulakan akaun PRS beliau pada umur 35 tahun hanya mampu mengumpul simpanan PRS sebanyak RM330,000 sahaja. Seperti yang anda lihat, simpanan Johan kekurangan sebanyak RM210,000 atau 39% berbanding Alia. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa masa adalah asas untuk memulakan akaun PRS bagi membolehkan masa dan pertumbuhan pengkompaunan berada bagi pihak anda. Caruman yang anda mulakan pada usia muda menghasilkan nilai yang lebih tinggi, berbanding dengan caruman yang anda buat pada usia hampir bersara disebabkan oleh unsur pengkompaunan.



Jadual: Kuasa Pertumbuhan Kompaun

	Usia Mula	Gaji Bulanan (RM)	Caruman PRS 10% (RM)	Jumlah Dana PRS pada Usia 60 Tahun (RM)
Alia	25	2,500	250	540,000
Johan	35	3,560	356	330,000

Andaian: Kenaikan gaji sebanyak 3% dan pertumbuhan kompaun PRS pada kadar 6% setahun sehingga umur 60 tahun

Memulakan caruman lewat ada kekurangannya. Walaupun anda mencarum lebih banyak, nilai yang anda peroleh sebenarnya masih tidak dapat menyamai seseorang yang mula mencarum lebih awal daripada anda. Sebagai contoh, Johan yang memulakan caruman lewat daripada Alia, akan membayar lebih wang setiap bulan, iaitu sebanyak RM356 berbanding Alia, iaitu sebanyak RM250 sahaja. Namun pada usia 60 tahun kelak, simpanan persaraan Johan masih kurang berbanding simpanan persaraan Alia.

Menabung adalah teras kepada perancangan persaraan. Dana yang terkumpul akan menjana pendapatan persaraan untuk mengekalkan taraf hidup dan menikmati masa persaraan anda. Pada asasnya, konsep ini sangat mudah - menyimpan lebih wang untuk tempoh persaraan semasa anda mempunyai pendapatan (sekurang-kurangnya 10% simpanan bulanan dalam PRS) akan membolehkan anda lebih menikmati kehidupan persaraan anda.

Bagi golongan muda yang bekerja, jadikan masa dan pertumbuhan kompaun sebagai rakan anda. Simpan dalam PRS dari sekarang untuk menikmati kehidupan persaraan yang lebih baik. Lebih banyak anda menyimpan, maka lebih banyak wang yang anda akan peroleh apabila bersara kelak.

Penulis, Dato' Steve Ong merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Pentadbiran Pencen Awam Swasta (PPA)

Pilihan Pinjaman Perumahan:

Pinjaman Fleksi vs Bukan Fleksi



Anda sedang mencari maklumat berkaitan pinjaman perumahan yang sesuai dengan komitmen anda? Jika anda pernah memohon untuk pinjaman perumahan sebelum ini atau sedang mencari untuk mendapatkan pinjaman perumahan, maka anda boleh mempertimbang maklumat yang akan dikongsi di bawah.

Apakah itu Pinjaman Fleksi?

Sebelum anda memahami apakah sebenarnya pinjaman Fleksi, anda perlu memahami prinsip-prinsip di sebalik asas pinjaman bertempoh dan pengiraan faedah bagi pinjaman hartanah.

Pengiraan Faedah *(Interest)*

Pengiraan faedah bagi pinjaman hartanah berdasarkan kaedah pengurangan baki. Setiap kali ansuran anda dibayar, sebahagian daripadanya akan membayar faedah dan selebihnya akan membayar / mengurangkan prinsipal pinjaman. Apabila jumlah pinjaman lebih tinggi, sebahagian besar ansuran akan menjelaskan bayaran ke atas faedah. Sesetengah orang menggelar bayaran ini sebagai duit 'hangus'.

Ada sesetengah peminjam cuba membuat bayaran tambahan atas pinjaman mereka bagi tujuan untuk mengurangkan jumlah pinjaman di bank. Hal ini turut membantu peminjam untuk menjimatkan jumlah faedah yang dikenakan. Ia tidak menjadi masalah sekiranya peminjam boleh memberikan komitmen sepenuhnya. Bagaimana pula jika peminjam tiba-tiba menghadapi kecemasan dan memerlukan wang tunai? Perkara ini memerlukan pertimbangan yang sewajarnya.

Pinjaman Bertempoh Asas

Pinjaman bertempoh adalah pinjaman yang dibuat berdasarkan jadual pembayaran yang tetap. Dahulu, semua pinjaman hartanah di Malaysia ditawarkan secara Pinjaman Bertempoh Asas. Tidak sukar bagi peminjam untuk membuat pembayaran tambahan kepada pinjaman mereka. Peminjam boleh menulis surat kepada pihak bank untuk meminta supaya pembayaran tambahan boleh dilakukan.

Sesetengah peminjam membuat kesilapan dengan membuat bayaran tambahan terhadap pinjaman mereka tanpa membuat permohonan tersebut, dengan andaian ia akan mengurangkan jumlah prinsipal yang

terhutang. Sebenarnya, ia tidak berlaku seperti itu. Wang tersebut hanya kekal di dalam bank (sebagai pra-pembayaran). Ia tidak memberi pendapatan faedah sebagai deposit, dan juga tidak mengurangkan faedah ke atas jumlah pinjaman.

Malah pada ketika itu, sebarang bayaran tambahan kepada akaun pinjaman bertempoh kebanyakannya tidak boleh dikeluarkan dengan sewenang-wenangnya sekiranya berlaku kecemasan. Oleh itu, peminjam mestilah benar-benar memastikan sebelum membuat sebarang bayaran tambahan, wang tersebut bukanlah wang yang diperlukan.

"Pengiraan faedah bagi pinjaman hartanah berdasarkan kaedah pengurangan baki. Setiap kali ansuran anda dibayar, sebahagian daripadanya akan membayar faedah dan selebihnya akan membayar / mengurangkan prinsipal pinjaman."

Pinjaman *Semi-Flexi*

Pinjaman *semi-flexi* adalah jenis pinjaman rumah yang membolehkan peminjam membuat bayaran pendahuluan untuk mengurangkan faedah pinjaman mereka tanpa perlu membuat apa-apa permohonan rasmi kepada pihak bank.

Dengan pinjaman *semi-flexi*, sebarang bayaran tambahan terhadap bayaran balik ansuran bulanan, secara automatik akan digunakan untuk mengurangkan jumlah pinjaman prinsipal yang terhutang, di samping turut mengurangkan jumlah faedah yang dikenakan untuk pinjaman rumah anda. Anda juga boleh membuat permohonan dengan pihak bank untuk menarik balik bayaran tambahan yang anda telah dibuat, namun anda mungkin dikenakan beberapa caj semasa proses tersebut.

Berbanding dengan pinjaman rumah *full-flexi*, rumah pinjaman *semi-flexi* adalah pilihan kepada anda yang mempunyai lebihan wang tunai dan pendapatan fleksibel, kerana potensi untuk menjimatkan faedah pinjaman.

Pinjaman Fleksi *(Flexi Loan)*

Pinjaman rumah *full-flexi* atau pinjaman fleksi merupakan konsep pembayaran yang fleksibel ke peringkat seterusnya, iaitu membolehkan peminjam membuat bayaran pendahuluan untuk mengurangkan faedah pinjaman terhadap harta mereka serta mengeluarkan bayaran tambahan yang telah dibuat pada bila-bila masa, tanpa memerlukan prosedur yang rumit, atau dikenakan sebarang caj tambahan.

Dalam pakej pinjaman fleksi, anda akan diberi satu akaun pinjaman harta, iaitu akaun semasa dengan sebuah buku cek. Setiap bulan, ansuran pinjaman ditolak secara automatik daripada akaun semasa dan dibayar kepada akaun pinjaman hartanah. Dengan mendepositkan jumlah wang tambahan ke dalam akaun tersebut, anda juga akan dapat mengimbangi jumlah pinjaman prinsipal anda dan mengurangkan faedah ke atas pinjaman harta anda.

Contoh:
Jika anda mempunyai pinjaman fleksi sebanyak RM300,000 dan telah mendepositkan RM100,000 ke dalam akaun semasa yang berkaitan, faedah pinjaman anda adalah seperti berikut: RM300,000- RM100,000 = RM200,000.

Sama seperti pinjaman *semi-flexi*, anda boleh mengeluarkan bayaran tambahan yang telah dibuat, hanya dengan menulis cek menggunakan buku cek yang disediakan. Proses ini lebih mudah kerana anda tidak perlu membuat permohonan dengan bank.

Sila ambil perhatian bahawa kebanyakan pinjaman flexi dikenakan yuran bulanan tetap (biasanya RM10 sebulan) untuk mengekalkan akaun semasa. Oleh itu, anda perlu menilai komitmen kewangan terhadap kemudahan daripada pinjaman fleksi sebelum anda membuat keputusan untuk menggunakannya.

Kesimpulan

Jika anda mempunyai lebihan wang tunai, anda dinasihatkan supaya mendapatkan pinjaman *full-flexi.* Dengan meletakkan wang di dalam akaun semasa, ia membolehkan anda untuk memperoleh penjimatan faedah yang perlu dibayar.

Tetapi, jika anda tidak mempunyai wang tunai tambahan untuk membuat bayaran pendahuluan pinjaman perumahan anda, maka tidak salah untuk mendapatkan pinjaman bertempoh asas.

Sumber: Olahan daripada artikel loanstreet.com.my



Soalan Lazim Mengenai Insurans Motor

1. Sekiranya saya membeli polisi motor komprehensif, adakah semua kerugian saya dilindungi?

Tidak semua kerugian akan dilindungi oleh polisi komprehensif. Di bawah polisi komprehensif, anda akan dilindungi bagi tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pihak ketiga atas kematian, kecederaan tubuh badan dan kerosakan harta benda yang disebabkan oleh kenderaan anda.

Anda akan dilindungi terhadap kerugian atau kerosakan ke atas kenderaan anda akibat kebakaran, kecurian atau sebarang kemalangan. Walau bagaimanapun, terdapat banyak pengecualian. Anda perlu menyemak polisi anda terhadap pengecualian-pengecualian tersebut.

- Anda juga perlu mengetahui bahawa kematian dan kecederaan tubuh badan pemandu dan penumpang kenderaan anda tidak dilindungi di bawah perlindungan komprehensif.

2. Mengapakah saya tidak boleh menginsuranskan kenderaan saya pada sebarang nilai yang saya fikir munasabah? Sekiranya saya membuat tuntutan, saya berharap syarikat insurans akan membayar kepada saya pada amaun yang telah saya insuranskan.

Adalah mustahak untuk menginsuranskan kenderaan anda pada nilai pasaran dan bukan pada nilai yang anda inginkan bagi mengelakkan daripada terlebih atau terkurang insurans. Terlebih insurans berlaku apabila anda menginsuranskan kenderaan anda pada nilai yang lebih tinggi daripada nilai pasaran. Apabila anda membuat tuntutan, syarikat insurans hanya akan membayar mengikut harga pasaran kenderaan anda.

Terkurang insurans pula berlaku apabila jumlah yang diinsuranskan lebih rendah daripada nilai pasaran. Dalam kes ini, anda dianggap 'menginsuranskan sendiri' perbezaan antara kedua-dua nilai tersebut. Sekiranya berlaku kerosakan, anda perlu menanggung bahagian yang anda insuranskan sendiri, daripada keseluruhan jumlah kos membaiki kenderaan. Contohnya, sekiranya anda menginsuranskan kenderaan anda sebanyak 80% daripada nilai pasaran, maka syarikat insurans akan hanya membayar 80% daripada jumlah kos pembaikannya.

- Sentiasa semak dengan pemegang francais kenderaan tentang nilai pasaran kenderaan anda untuk mengelakkan terlebih atau terkurang insurans. Anda boleh bertanya kepada syarikat insurans/ejen untuk mendapatkan pengesahan daripada pemegang francais kenderaan tentang amaun yang sepatutnya diinsuranskan.

3. Dalam sesuatu kemalangan yang saya bukanlah pihak yang bersalah, bagaimana saya boleh membuat tuntutan terhadap pihak yang sebenarnya bersalah?

Anda mempunyai pilihan sama ada untuk mengemukakan tuntutan pihak ketiga kepada syarikat insurans pihak ketiga, atau sekiranya anda mempunyai polisi komprehensif, anda boleh membuat tuntutan terhadap syarikat insurans anda sendiri. Sekiranya anda membuat tuntutan kepada

syarikat insurans anda sendiri, anda tidak akan kehilangan kelayakan diskaun tiada tuntutan atau NCD – *'no claim discount'* dan tuntutan tersebut akan diproses lebih cepat memandangkan syarikat insurans anda telah mempunyai maklumat tentang latar belakang anda.

Walau bagaimanapun, anda perlu mengemukakan tuntutan 'pampasan bagi masa pembaikan sebenar' dan tuntutan bagi ganti rugi ekses kepada syarikat insurans pihak ketiga yang bersalah. Jumlah hari bagi pampasan untuk 'masa pembaikan sebenar' yang boleh anda tuntut adalah berdasarkan kepada jumlah hari yang diperlukan untuk membaiki kenderaan anda, seperti yang ditentukan oleh pelaras kerugian yang dilantik untuk menilai kerosakan kenderaan anda.

4. Sekiranya saya terlibat dalam kemalangan berantai, kepada siapakah saya perlu membuat tuntutan?

Dalam kemalangan berantai, bagi kerosakan kenderaan (prosedur ini tidak boleh diguna pakai bagi kematian dan kecederaan tubuh badan), anda perlu membuat tuntutan terhadap syarikat insurans kenderaan yang berada betul-betul di belakang anda dan anda tidak akan kehilangan NCD. Sekiranya kenderaan anda merupakan kenderaan yang paling belakang dalam kemalangan berantai tersebut, anda tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap kenderaan-kenderaan lain yang terlibat.

Walau bagaimanapun anda boleh membuat tuntutan kerosakan sendiri daripada syarikat insurans anda sekiranya anda mempunyai perlindungan komprehensif.

5. Mengapakah syarikat insurans mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan tuntutan kecurian kenderaan saya?

Syarikat insurans biasanya membayar tuntutan kecurian dalam tempoh enam bulan atau apabila siasatan polis telah selesai, mengikut mana yang lebih awal. Masa adalah diperlukan oleh syarikat insurans atau polis untuk membuat penyiasatan dan kemungkinan kenderaan terbabit dapat ditemui semasa penyiasatan.

6. Apabila saya membuat tuntutan terhadap syarikat insurans kenderaan yang melanggar kenderaan saya, syarikat insurans berkenaan enggan membayar tuntutan saya kerana pemegang polisinya tidak membuat laporan. Mengapakah ini terjadi?

Polisi insurans adalah kontrak antara syarikat insurans dengan pemegang polisi. Sekiranya pemegang polisi tidak membuat laporan kepada syarikat insurans tentang sesuatu kemalangan, syarikat insurans tidak dapat melayan sebarang tuntutan yang dibuat oleh pihak ketiga memandangkan syarikat insurans tidak mempunyai kontrak dengan pihak ketiga tersebut.

Oleh yang demikian, syarikat insurans pihak ketiga akan hanya bertanggungjawab menyelesaikan tuntutan anda sekiranya pemegang polisinya mengarahkan syarikat insurans supaya berbuat demikian bagi sesuatu kerugian/kerosakan dalam suatu kemalangan yang disebabkan olehnya.

Walau bagaimanapun, untuk memudahkan orang ramai, syarikat insurans telah bersetuju untuk melayan tuntutan pihak ketiga walaupun pemegang polisi mereka tidak membuat laporan. Anda perlu mengemukakan tuntutan untuk pertimbangan syarikat insurans dalam tempoh 14 hari dari tarikh kemalangan bersama-sama dengan dokumen-dokumen berikut:-

a) Satu salinan laporan polis;

b) Satu salinan laporan polis pemegang polisi, jika anda adalah pemegang polisi;

c) Jika (b) tidak ada, boleh diganti dengan Akuan Berkanun menyatakan kejadian kemalangan dan mengenal pasti bahawa kenderaan pemegang polisi adalah pihak yang terlibat dalam kemalangan; dan

d) Satu salinan laporan penyiasatan polis atau maklumat daripada polis sebagai bukti bahawa pemegang polisi syarikat insurans tersebut adalah pihak yang bersalah dalam kemalangan.

7. Bolehkah syarikat insurans menolak tuntutan di bawah senario berikut?

a) Kenderaan saya dipinjamkan kepada kawan yang kemudiannya 'menghilangkan diri' dengan kereta tersebut.

b) Kenderaan saya diiklankan untuk dijual. Salah seorang calon pembeli membawa kereta untuk dipandu uji dan telah tidak memulangkannya.

Kes-kes seperti ini adalah dianggap sebagai kelakuan jenayah pecah amanah dan menipu. Terdapat kecuaian juga di pihak pemilik kenderaan kerana tidak berhati-hati apabila menyerahkan harta benda kepada pihak lain. Kerugian / kerosakan yang timbul daripada kes-kes seperti ini tidak akan dibayar kerana ia dikecualikan di dalam kontrak insurans.

Sumber: Info Insurans, Bank Negara Malaysia

Ruangan Bersama NCCC

Runsing apabila kereta sering mengalami kerosakan



Adakah kereta anda sering mengalami kerosakan? Jika anda seorang pemilik kenderaan, anda pernah menghadapi satu atau dua masalah dengan kenderaan anda selepas beberapa lama menggunakannya. Perkara yang biasa akan dilakukan oleh pengguna adalah menghantar kenderaan ke bengkel untuk membaiki kenderaan tersebut dan terpaksa membelanjakan sejumlah wang sekiranya kereta itu rosak.

Perkara ini menjadi aduan yang lazim diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC). Antara jenis kategori aduan yang diterima, aduan yang melibatkan kos yang besar adalah berkaitan automobil.

Antara jenis aduan yang diterima oleh NCCC ialah:

- kereta yang baharu dibeli mempunyai pelbagai masalah
- kotak gear rosak
- isu dengan jaminan
- jangkamasa membaik pulih kenderaan yang terlalu lama
- pembaikan kenderaan tidak dijalankan dengan sempurna
- penjualan alat ganti yang palsu sedangkan pengguna telah membuat bayaran untuk alat ganti yang asal
- duit deposit kenderaan tidak dipulangkan apabila pengguna membuat pembatalan

Berikut adalah contoh kes sebenar yang diterima oleh NCCC serta tindakan yang harus diberi perhatian oleh pengguna.

Kajian kes:

"Kereta baharu saya mempunyai masalah pada kotak gear. Apabila saya memandu dengan keadaan perlahan, kereta saya akan bergegar semasa melakukan pertukaran gear. Pernah pada satu ketika, saya hampir terlanggar kereta di hadapan kereta saya semasa keadaan lalu lintas sesak. Saya telah membuat aduan kepada syarikat kereta tersebut dan mereka telah menawarkan pembaikan dengan menukar `clutch' kereta saya. Selepas pembaikan, dalam masa sebulan, masalah yang sama berlaku kembali. Sekali lagi saya ditawarkan untuk membaiki masalah itu. Saya terasa ditipu oleh syarikat berkenaan kerana sudah dua kali saya menghantar kereta saya untuk dibaiki dan masalah sama masih berulang. Saya berharap syarikat tersebut dapat membeli balik kenderaan yang telah dijual kepada saya kerana tiada jalan penyelesaian lain".

Pengadu mempunyai hak untuk membeli kenderaan yang selamat, bebas daripada sebarang kecacatan atau rosak. Ini adalah satu jaminan tersirat *(implied gurantee)* dinyatakan dalan **Akta Perlindungan Pengguna 1999**.



"Jika masih tidak berpuas hati, pengguna boleh meminta pusat perkhidmatan untuk memberi tempoh lanjutan kepada jaminan kenderaan tersebut ..."

Jika berlaku sebarang kerosakan pada kenderaan, pengguna hendaklah menghantar kenderaan tersebut ke pusat perkhidmatan kenderaan tersebut kerana kereta baharu yang dibeli masih dalam tambah jaminan. Pengguna tidak perlu membuat bayaran untuk membaiki kenderaan tersebut sekiranya kenderaan masih dalam tempoh jaminan.

Jika masih tidak berpuas hati, pengguna boleh meminta pusat perkhidmatan untuk memberi tempoh lanjutan kepada jaminan kenderaan tersebut jika masalah berlaku lebih daripada dua kali. Tetapi, pengguna haruslah memastikan bahawa kereta tersebut hanya diselenggara di pusat perkhidmatan kenderaan yang sah bagi mengelakkan pelanggaran waranti.

Jika pengguna mendapati alat ganti yang digunakan untuk kenderaan tersebut merupakan alat ganti dan bukan asli, pengguna boleh membuat laporan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Pihak kementerian boleh mengambil tindakan terhadap pusat perkhidmatan kenderaan tersebut.

Nasihat kepada pengguna

1. Pengguna yang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan atau rungsing akan keselamatan kenderaan tersebut, pengguna boleh membuat pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM. Ia adalah pusat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh kerajaan Malaysia untuk melakukan pemeriksaan kenderaan.
2. Pastikan resit / invois pembaikan disimpan sebagai bukti.
3. Pastikan kenderaan diselenggara di pusat perkhidmatan kenderaan yang sah untuk mengelakkan pelanggaran waranti kenderaan tersebut.
4. Pengadu boleh membuat aduan jikalau menghadapi masalah, seperti wang deposit tidak dipulangkan, ragu tentang alat ganti yang digunakan adalah palsu, mengambil masa yang terlalu lama untuk membaiki kenderaan tersebut atau produk tersebut berkualiti rendah. Pengguna boleh membuat aduan di:
   - Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)
   - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
   - Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

*Sila layari laman sesawang KPDNKK (www.kpdnkk.gov.my) bagi mendapatkan maklumat lanjut untuk membuat aduan.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : **1-300-88-5465**
E-mel : **bnmtelelink@bnm.gov.my**
Laman sesawang : **www.bnm.gov.my**

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : **1-300-88-9980**
E-mel : **banks@abm.org.my**
Laman sesawang : **www.abm.org.my**

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : **1-800-88-2575**
E-mel : **enquiry@akpk.org.my**
Laman sesawang : **www.akpk.org.my**

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : **03-2272 2811**
E-mel : **enquiry@fmb.org.my**
Laman sesawang : **www.fmb.org.my**

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada **ringgit@crrc.org.my**

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Memperkenalkan siri aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia

Ke arah pengguna kewangan yang lebih bijak

MyBNM

BNM MyLINK

MyTabung

MyRinggit



Membuat keputusan kewangan bukannya mudah, sama ada anda pelajar, suri rumah, ahli perniagaan atau pekerja. Dengan aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia ini, anda bukan sahaja boleh mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini hal-hal kewangan, tetapi juga menggunakan aplikasi untuk merancang dan menguruskan kewangan anda dengan mudah serta menggunakan hak anda sebagai pengguna kewangan.

MyBNM

Dapatkan maklumat dan pengumuman terkini mengenai hal-hal kewangan di dalam negeri dan peringkat global serta amaran penting kepada pengguna berhubung dengan penipuan kewangan.

BNM MyLINK

Saluran berkesan yang menghubungkan pengguna dengan institusi kewangan di Malaysia untuk mengemukakan pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan.

MyTabung

Aplikasi pemantau belanjawan untuk merancang dan menguruskan kewangan peribadi anda atau isi rumah secara berhemat untuk mencapai matlamat kewangan.

MyRinggit

Ketahui ciri-ciri keselamatan penting dan teknik untuk membezakan wang kertas Malaysia yang asli dengan yang palsu.

Tunggu apa lagi? Dapatkan dan muat turun siri aplikasi mudah alih Bank Negara Malaysia ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris secara PERCUMA.

Download on the App Store

ANDROID APP ON Google play